



مَجْلِسُ دَائِرَةِ كَمْبَرٍ قِيَادَةُ دَارِ الرِّضْوَانِ

## MAJLIS DAERAH KAMPAR

KOMPLEKS PENTADBIRAN, MAJLIS DAERAH KAMPAR,  
JALAN ISKANDAR, 31900 KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN  
Tel : 05-4671020, 4671030 Faks : 05-4671040 www.mdkampar.gov.my

MISOSH

EST. 1971

MALAYSIAN SOCIETY FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH

40<sup>th</sup> MSOSH AWARD

Gold Class I Winner 2022

“MAJU DAN MEMBANGUN”

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil.(22b)dlm.MDKpr (KEJ)3/2014

Jld.12

Tarikh : 16 Rejab 1446H

16 Januari 2025

Pengurus Koridor Negeri,  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan.  
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria,  
Jalan Dato' Ahmad Said,  
30450 IPOH.

Tuan,



PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN UNTUK TETUAN MAHA LABUN SDN. BHD.  
DI JALAN MESRA, TAMAN CAHAYA, KAMPAR DARI KORIDOR UTILITI DARUL  
RIDZUAN.


Kelulusan melakukan kerja korekan.

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat tuan KUDR/LAP/A/11/24/0104(10)  
bertarikh 27 November 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis tiada halangan ke atas kebenaran melakukan  
kerja korekan seperti dimohon. Berdasarkan perbincangan tersebut, pihak tuan bersetuju  
terhadap beberapa perkara berikut:

- a. Menjelaskan fee korekan jalan/fee meletak bahan binaan dengan kadar **RM 81,400.00** dan bayaran deposit korekan jalan sebanyak **RM 4,070.00**.
- b. Mengemukakan surat tanggungjawab sepenuhnya bagi menurap semula laluan yang digunakan mengikut spesifikasi majlis iaitu **selebar 1 meter dan sepanjang kawasan korekan**.
- c. Memastikan aliran trafik berjalan lancar dan tidak menimbulkan kacau ganggu.
- d. Bagi kerja-kerja yang melibatkan pemotongan persimpangan jalan atau laluan-laluan yang digunakan oleh orang awam diwajibkan pihak kontraktor untuk mengambus, merata dan menurap semula korekan tersebut serta merta pada hari yang sama dengan sempurna (**ketebalan 'crusher run' 150 mm dan turapan ACW14 50mm selepas dipadatkan**). Sila maklumkan kepada pihak Majlis selewat-lewatnya dua hari sebelum kerja ini dilaksanakan bagi tujuan pemantauan bahagian teknikal pihak Majlis. Penggunaan bahan hendaklah daripada butiran yang diluluskan.
- e. Pihak tuan juga bertanggungjawab terhadap lain-lain kerosakan harta awam seperti pondok bas, susur jalan (*road kerb*), landskap kawasan, longkang dan sebagainya yang berlaku akibat dari kerja yang dilaksanakan oleh pihak tuan tersebut.
- f. Mengadakan polisi insuran untuk tanggungan awam mengikut keperluan bidang kerja.
- g. Sila kemukakan salinan polisi berkenaan untuk simpanan Majlis sebelum kerja dimulakan.

Direktori :



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil.(22b)dlm.MDKpr (KEJ)3/2014

Jld.12

Tarikh : **16** Rejab 1446H

**16** Januari 2025

- h. Mengadakan papan tanda sementara bagi tunjuk arah, dinding sesendeng, pengawal lalu lintas, lampu-lampu kecemasan, lampu malam dan lain-lain yang difikirkan perlu bagi mengelakkan kemalangan.
- i. **Pihak utiliti perlu bertanggungjawab ke atas apa jua kos yang terlibat bagi sebarang kerja-kerja pengalihan kelak. Jika melibatkan jalan yang baru diturap, pemohon perlu menurap semula keseluruhan jalan dengan sempurna.**

3. Kelulusan ini boleh dipinda atau dibatalkan sekiranya pihak pemohon tidak mematuhi syarat yang ditetapkan

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KAMPAR BANDAR ILMU”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SITI AZURA BINTI HAJI JUKI, AMP)**

Setiausaha, ~~SM~~  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kampar,  
Perak Darul Ridzuan

s.k. 1. Fail Timbul

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**